

Tarikh Perkenan Diraja	28 Oktober 2025
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	12 November 2025

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1771

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PINDAAN) 2025

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

[]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk membuat undang-undang bagi pengawalan dan pengawalseliaan sepatutnya perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, mengikut Fasal (1) Perkara 74 dan Fasal (2) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025.

(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 672*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2, dalam takrif “sisa pepejal”, dalam perenggan (*b*), dengan memotong perkataan “kerana sudah pecah, lusuh, tercemar atau selainnya rosak”.

Bahagian baharu VIII A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 77 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIII A

LARANGAN TERHADAP PEMBUANGAN, DSB., SISA PEPEJAL

Larangan terhadap pembuangan, dsb., sisa pepejal di tempat awam atau jalan awam

77A. (1) Tiada seorang pun boleh membuang, mencampakkan, menempatkan atau meninggalkan atau menyebabkan untuk dibuang, dicampak, ditempatkan atau ditinggalkan apa-apa sisa pepejal di mana-mana tempat awam atau jalan awam kecuali di dalam bekas yang diperuntukkan bagi maksud itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “jalan awam” termasuklah mana-mana jalan Persekutuan, jalan Negeri, lebuh raya, jambatan, terowong atau apa-apa yang bersambungan dengan jalan itu, yang disenggara dan dijaga oleh mana-mana pihak berkuasa Persekutuan atau Negeri atau mana-mana orang persendirian atau badan persendirian.

Perintah khidmat masyarakat

77B. (1) Jika seseorang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen 77A, mahkamah yang di hadapannya orang itu disabitkan boleh, sebagai tambahan kepada denda yang ia boleh dikenakan di bawah seksyen itu, membuat suatu perintah khidmat masyarakat yang menghendaki orang yang disabitkan itu untuk melaksanakan khidmat masyarakat tidak melebihi dua belas jam secara agregat dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dan selama bilangan jam tertentu setiap hari tidak melebihi empat sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Sebelum membuat suatu perintah khidmat masyarakat di bawah subseksyen (1), mahkamah hendaklah—

(a) menimbangkan keadaan fizikal dan mental orang yang disabitkan itu, jika wajar baginya untuk melaksanakan khidmat masyarakat; dan

(b) menerangkan kepada orang yang disabitkan itu dalam bahasa biasa—

(i) kesan perintah khidmat masyarakat itu; dan

(ii) akibat tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat itu.

(3) Mana-mana pegawai diberi kuasa hendaklah, selepas suatu perintah khidmat masyarakat dibuat di bawah subseksyen (1), menentukan masa dan tempat bagi pelaksanaan khidmat masyarakat itu dan jenis khidmat masyarakat yang hendaklah dilaksanakan oleh orang yang disabitkan itu, dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memaklumkan orang yang disabitkan yang diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat itu mengenai masa dan tempat itu, dan jenis khidmat masyarakat yang hendaklah dilaksanakan.

(4) Dalam tempoh perintah khidmat masyarakat itu, pelaksanaan khidmat masyarakat oleh orang yang disabitkan itu hendaklah diawasi oleh pegawai diberi kuasa.

(5) Pengawasan oleh pegawai diberi kuasa itu terhadap pelaksanaan khidmat masyarakat oleh orang yang disabitkan di bawah subseksyen (4) hendaklah mengikut cara sebagaimana yang boleh ditetapkan.

(6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(7) Jika suatu perintah khidmat masyarakat di bawah subseksyen (1) dibuat terhadap seseorang kanak-kanak yang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen 77A, peruntukan yang berhubungan dengan perintah khidmat masyarakat di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*] hendaklah terpakai.

(8) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “kanak-kanak” ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun;
- (b) “khidmat masyarakat” ertinya suatu kerja, perkhidmatan atau pelaksanaan arahan yang tidak dibayar yang dilaksanakan atau dijalankan bagi maksud mengekalkan atau menambah baik kebersihan suatu tempat awam.

Kuasa pengawasan khidmat masyarakat

77c. Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawasi pelaksanaan apa-apa khidmat masyarakat di bawah suatu perintah khidmat masyarakat yang dibuat di bawah subseksyen 77B(1).”.

Pindaan seksyen 108

4. Subseksyen 108(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (s) perenggan yang berikut:

- “(sa) menetapkan jenis khidmat masyarakat yang hendaklah dilaksanakan di bawah suatu perintah khidmat masyarakat;
- (sb) menetapkan cara pengawasan pelaksanaan khidmat masyarakat di bawah suatu perintah khidmat masyarakat;”.